



**TOKIO MARINE**  
INSURANCE GROUP

Lembaran Fakta

# Polisi Insurans Indemniti Profesional (Lebih Lapisan Untuk Peguam)

## Perlindungan

Polisi ini akan menanggung rugi anda, rakan kongsi anda atau pekerja anda sehingga tetapi tidak melebihi dalam agregat jumlah yang dinyatakan dalam Jadual sebagai Had Indemniti untuk mana-mana jumlah yang Pihak Yang Diinsuranskan menjadi bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk membayar anda sebagai gantirugi yang timbul daripada apa-apa tuntutan yang pertama kali dibuat secara bertulis terhadap Pihak Yang Diinsuranskan semasa Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual sebagai kesan langsung apa-apa perbuatan cuai, kesilapan atau ketinggalan dalam tindakan profesional Perniagaan/Profesion seperti yang dinyatakan dalam Jadual yang dilakukan atau didakwa telah dilakukan oleh Pihak Yang Diinsuranskan atau mana-mana rakan kongsi Pihak Yang Diinsuranskan pada atau selepas Tarikh Retroaktif yang dinyatakan dalam Jadual dan dalam Had Wilayah yang dinyatakan dalam Jadual.

Sentiasa dengan syarat, kami hanya bertanggungjawab di bawah Polisi ini untuk gantirugi DALAM LEBIHAN DARIPADA gantirugi dalam amaun Potongan dan, liabiliti Kami untuk membayar di bawah Polisi ini tidaklah terlekat melainkan dan sehingga penanggung insurans Insurans Utama telah membayar atau mengakui liabiliti atau diputuskan bertanggungjawab untuk membayar amaun penuh indemniti mereka di bawah Insurans Utama.

Sebagai tambahan kepada gantirugi, kami juga akan menanggung rugi anda untuk jumlah tersebut, yang anda akan bayar sebagai kos dan perbelanjaan berkenaan dengan mana-mana tuntutan yang kepadanya Polisi ini dikenakan, dengan syarat bayaran untuk gantirugi melebihi had indemniti Insurans Utama telah dibuat untuk melupuskan tuntutan. Kami akan menyumbang kepada kos dan perbelanjaan tersebut dalam bahagian langsung bahawa bahagian bayaran gantirugi kami menanggung kepada gantirugi keseluruhan yang kena dibayar. Kos dan perbelanjaan boleh dibayar dalam dan bukan sebagai tambahan kepada Had Indemniti yang disediakan oleh Polisi ini. Adalah difahami dan dipersetujui bahawa jika mana-mana kos dan perbelanjaan yang dibelanjakan oleh kami bagi pihak anda yang merupakan tanggungjawab anda atau penanggung insurans Insurans Utama, maka amaun sedemikian hendaklah diganti bayar kepada kami oleh anda.

## Pengecualian Utama

A. Polisi ini mengecualikan semua tuntutan atau liabiliti yang dikecualikan di bawah Insurans Utama.

B. Polisi ini tidak melindungi apa-apa jua liabiliti yang timbul daripada:

- Mana-mana tuntutan yang dibuat terhadap Pihak Yang Diinsuranskan hasil daripada apa-apa perbuatan tidak jujur, fraud, jenayah, tidak ikut undang-undang atau berniat jahat, kesilapan atau ketinggalan.
- Apa-apa perkhidmatan atau kerja profesional berhubungan dengan kontrak dan/atau di luar Had Wilayah yang dinyatakan dalam Jadual.
- Kehilangan atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta atau apa-apa kehilangan atau apa jua perbelanjaan yang terhasil atau timbul daripadanya atau apa-apa kehilangan berbangkit, atau apa-apa liabiliti undang-undang dari apa-apa jua sifatnya secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau timbul daripada:
  - (i) pengionan radiasi atau kontaminasi oleh radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear; atau
  - (ii) radioaktif, toksik, bahan letupan atau lain-lain benda berbahaya atau apa-apa bahan letupan pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya.
- Apa-apa libel (pernyataan fitnah dalam bentuk kekal) dan slander (pernyataan fitnah bukan dalam bentuk kekal) yang sebenar atau yang didakwa.
- Kehilangan dokumen
- Pembuangan kerja secara tidak sah atau apa-apa pelanggaran apa-apa obligasi oleh Pihak Yang Diinsuranskan sebagai majikan kepada mana-mana pekerja.
- Apa-apa tuntutan terhadap Pihak Yang Diinsuranskan untuk kehilangan atau pelanggaran paten, hakcipta, rekabentuk, tanda perniagaan, tanda perkhidmatan, nama dagangan atau slogan yang sebenar atau yang didakwa oleh atau bagi pihak Pihak Yang Diinsuranskan, atau apa-apa pertandingan tidak adil yang sebenar atau yang didakwa.
- Pemberian apa-apa jaminan kewangan peribadi atau akujanji yang diberi oleh atau bagi pihak Pihak Yang Diinsuranskan; atau apa-apa waranti atau jaminan tersurat atau tersirat yang diberi oleh atau bagi pihak Pihak Yang Diinsuranskan yang berkaitan dengan pulangan kewangan atas apa-apa pelaburan; atau apa-apa

syor pelaburan, nasihat, representasi atau ramalan yang diberi oleh atau bagi pihak Pihak Yang Diinsuranskan.

- Pihak Yang Diinsuranskan tidak mempunyai insurans secukupnya dalam melaksanakan tugasnya sebagai Wasi, Pemegang Amanah, Penerima atau Penyelesai.
- Apa-apa pengabaian, kesilapan atau ketinggalan oleh Pihak Yang Diinsuranskan dalam anggaran kos dan kuantiti.
- Apa-apa pengabaian, kesilapan atau ketinggalan oleh Pihak Yang Diinsuranskan dalam menguatkuasakan atau mengadakan insurans atau dalam memberikan pembiayaan atau nasihat dalam perkara kewangan.
- Keinsolvenan atau kebangkrapan Pihak yang Diinsuranskan.
- Apa-apa tanggapan oleh Pihak Yang Diinsuranskan di bawah apa-apa kontrak atau perjanjian yang tidak mungkin timbul jika perjanjian sedemikian tidak wujud.
- Secara langsung atau tidak langsung, discaj, penyuraian, resapan atau pelepasan yang sebenar, yang didakwa atau yang diancam akan bahan pencemar, atau apa-apa kehilangan, kos atau perbelanjaan yang timbul daripada apa-apa arahan atau permintaan, sama ada kerajaan atau sebaliknya, bahawa Pihak Yang Diinsuranskan menilai, menguji, memantau, membersihkan, mengawal, membendung, merawat, menyahtoksin atau meneutralkan bahan pencemar. Istilah "Bahan Pencemar" bermaksud apa-apa pepejal, cecair, bahan iritasi atau kontaminan gas atau haba, termasuk tetapi tidak terhad kepada asap, wasap, jelaga, asap hitam, asid, alkali, kimia dan sisa. Istilah "sisa" sebagaimana yang digunakan dalam tafsiran ini termasuklah bahan-bahan, yang hendak atau telah dibuang, dikitar semula, dibaiki semula atau ditebusguna semula.
- Apa-apa fakta, situasi, keadaan atau kejadian:
  - (i) yang, pada bermulanya polisi, Pihak Yang Diinsuranskan mengetahui atau semunasabahnya dapat pralihat mungkin membawa kepada suatu tuntutan terhadap Pihak Yang Diinsuranskan, atau
  - (ii) yang tentangnya notis telah diberikan di bawah mana-mana insurans lain sebelum bermulanya polisi.

#### C. Polisi ini tidak dikenakan kepada:

- Denda, penalti (sama ada sivil, jenayah atau kontraktual), gantirugi menghukum, gantirugi teladan, gantirugi tiga kali ganda atau apa-apa gantirugi lain terhasil daripada penggandaan, atau lebih daripada, gantirugi pampasan.
- Apa-apa tuntutan yang dibuat oleh seorang Pihak Yang Diinsuranskan terhadap seorang lagi Pihak Yang Diinsuranskan (jika terdapat lebih daripada satu Pihak Yang Diinsuranskan yang dilindungi di bawah Polisi ini), atau apa-apa tuntutan yang dibuat oleh atau berhubung dengan mana-mana orang atau organisasi yang, secara langsung atau secara tidak langsung, dimiliki, dikawal, dioperasi atau diuruskan oleh Pihak Yang Diinsuranskan, atau memiliki, mengawal, mengoperasi atau mengurus Pihak Yang Diinsuranskan.

#### Kewajiban pendedahan

Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.

#### Bayaran Premium

- Premium mesti dibayar kepada perantara insurans anda atau secara terus kepada pihak kami dalam 60 hari dari permulaan Polisi ini.
- Bayaran boleh dibuat sama ada dengan tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dibayar atas nama syarikat kami).
- Tegas untuk meminta resit bagi premium yang dibayar.
- Hubungi pihak kami jika polisi anda tidak diterima selepas satu bulan dari tarikh pembelian.

#### Deduktibel / Potongan

Amaun yang Boleh Dipotong yang dinyatakan dalam Jadual, yang merupakan amaun had indemniti yang boleh didapati untuk gantirugi yang diberikan oleh Insurans Utama. Walau bagaimanapun jika amaun yang Boleh Dipotong yang dinyatakan dalam Jadual adalah lebih tinggi daripada had indemniti Insurans Utama, yang terdahulu hendaklah dikenakan seolah-olah ia adalah amaun sebenar had indemniti Insurans Utama. Perbezaan antara amaun yang Boleh Dipotong yang dinyatakan dalam Jadual dan amaun had indemniti Insurans Utama hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh anda.

#### Insurans Utama

Polisi insurans indemniti profesional utama mandatori, yang Majlis Peguam Malaysia telah ambil dan menyelenggarakannya semasa tempoh Insurans dan yang memberikan insurans kepada semua pengamal dalam profesion undang-undang di Malaysia, termasuk, jika ada, lain-lain polisi indemniti profesional yang menjadi dasar dikenakan dalam lebih polisi insurans indemniti profesional utama mandatori tersebut.

## Perisytiharan

Dengan menerima polisi ini, anda bersetuju bahawa pernyataan dalam perisytiharan adalah perjanjian dan representasi anda, bahawa polisi ini dikeluarkan berdasarkan kebenaran representasi sedemikian dan polisi ini merangkumi semua perjanjian yang wujud antara diri anda dengan Syarikat atau mana-mana ejen anda berkenaan dengan insurans ini.

## APAKAH YANG HARUS ANDA LAKUKAN Jika Berlakunya Kerugian/Kerosakan

### Pemberitahuan tuntutan

- Anda harus memberitahu pihak kami secara bertulis mengenai semua butiran tentang kejadian/kemalangan secepat mungkin dalam lingkungan masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda dikehendaki membuat pemberitahuan seawal mungkin bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda. Jika berlakunya kematian atau kemalangan yang melibatkan kenderaan bermotor, anda dikehendaki membuat laporan polis dengan serta-merta.

### Pengemukakan tuntutan

- Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua informasi dan dokumen sokongan seperti yang diminta oleh pihak kami dengan secepat mungkin. Jika ajuster/penyiasat dilantik oleh pihak kami, maka anda dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.

### Kewajiban untuk mendedahkan informasi tuntutan

- Anda dikehendaki memberi jawapan secara jujur dalam Borang Tuntutan kerana sebarang pernyataan salah atau penyembunyian boleh memudaratkan tuntutan anda.

## BAGAIMANA MENGEMUKAKAN Aduan Dan Jalan Penyelesaian Yang Ada



### Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my), atau
2. pengantara insurans Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfailkan aduan anda (sila rujuk kepada [www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm](http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm)) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tokio Marine dan produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami [www.tokiomarine.com.my](http://www.tokiomarine.com.my).

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

